

18 NOV 2000

UMNO-Reaksi (Ucapan)

AMARAN PRESIDEN BUKTI KEPRIHATINAN TERHADAP KREDIBILITI PARTI

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob menyifatkan amaran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya anggota Umno menolak amalan rasuah atau politik wang sebagai satu luahan berhubung kebimbangannya mengenai kredibiliti pemimpin dan parti.

"Dalam ucapannya, beliau (Dr Mahathir) cuba menganalisis perkara-perkara yang boleh menghalang kemajuan Umno yang antara lainnya, politik wang.

"Kalau mana-mana jawatan dimenangi melalui politik wang, beliau bimbang apa akan jadi pada kredibiliti bukan sahaja kepada pemimpin, malah kepada parti ini sendiri," katanya ketika ditemui pemberita semasa waktu rehat pagi perhimpunan agung khas Umno di sini hari ini.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, dengan penuh emosi meminta anggota parti supaya mendedahkan mereka yang menghulurkan rasuah.

Katanya jika anggota Umno sayangkan bangsanya, mereka haruslah menolak semua jenis tawaran rasuah termasuk melancong dan umrah.

Sementara itu, Ketua Bahagian Kota Tinggi Datuk Seri Syed Hamid Albar bersetuju bahawa Umno memerlukan lebih daripada pindaan perlembagaan iaitu perubahan sikap di kalangan anggotanya bagi menjamin parti itu terus kuat dan mendapat sokongan rakyat.

Katanya pindaan perlembagaan hanya sebagai rangka untuk memantapkan parti," sebaliknya sikap anggota parti sendiri perlu diubah dengan mengelak kegiatan seperti rasuah."

Dr Mahathir dalam ucapannya turut menekankan bahawa pindaan perlembagaan parti hanyalah seperti kerangka yang boleh disalut dengan sikap dan sifat yang mampu menjayakan perjuangan parti.

Syed Hamid berkata perlembagaan parti sedia ada, mampu membendung gejala negatif dalam parti sekiranya anggota benar-benar mengikuti peraturan.

Katanya ucapan Dr Mahathir yang konsisten sejak dahulu dalam soal perjuangan parti perlu diberi perhatian serius oleh anggota di semua peringkat.

-- BERNAMA

NHA RZS ZS LAT